

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MAJLIS PENUH KALI KE-622**  
**BIL. 4/2026 PADA 21 APRIL 2026**

---

**1. PERSARAAN WAJIB DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Berkuatkuasa 26 April 2026, saya ingin memaklumkan bahawa tarikh berkenaan merupakan hari terakhir saya berkhidmat sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berikutan persaraan wajib saya daripada perkhidmatan awam.

Sepanjang perjalanan kerjaya saya yang menjangkau 35 tahun di dalam keluarga besar MBSP, saya telah melalui pelbagai fasa perubahan, cabaran, dan transformasi yang membentuk MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang dinamik seperti hari ini.

Perjalanan ini bukanlah sekadar urusan pentadbiran, malah ia adalah satu perjalanan dedikasi dan pengabdian demi kesejahteraan rakyat di Seberang Perai.

Saya ingin menzahirkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Pihak Berkuasa Negeri, barisan Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua Jabatan, Pegawai Kanan dan seluruh warga kerja MBSP. Kerjasama, komitmen, dan semangat kerja berpasukan oleh YBhg. Dato', / tuan / puan pameran selama ini merupakan kunci kepada setiap kejayaan dan anugerah yang telah kita capai bersama.

Setiap memori di pejabat, di lapangan, dan setiap projek yang kita jayakan bersama akan terus menjadi kenangan yang sangat berharga dalam lipatan sejarah kerjaya saya.

Saya amat bangga melihat bagaimana MBSP telah berkembang maju dan terus relevan dalam mendepani cabaran zaman.

Kepada seluruh warga kerja MBSP, teruskan berkhidmat dengan penuh integriti dan semangat. Saya memohon kemaafan atas segala kekurangan sepanjang tempoh perkhidmatan saya dan menghargai sokongan padu yang diberikan selama ini.

Terima kasih dan selamat maju jaya buat semua.

## **2. OPERASI PENGUATKUASAAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**

Operasi penguatkuasaan tunggakan cukai taksiran akan dijalankan bermula **27 APRIL 2026** bagi premis-premis yang belum menjelaskan bayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2026.

Pemilik premis diminta untuk membuat bayaran dengan **KADAR SEGERA** bagi mengelakkan harta alih anda daripada **DISITA & TINDAKAN UNDANG-UNDANG**.

Bayaran cukai taksiran boleh dibuat **secara atas talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai dan PBTPay, MBSPPay melalui kiosk atau agensi kutipan** yang telah dilantik MBSP serta di kaunter bayaran MBSP iaitu di Menara Bandaraya Bandar Perda, Kaunter Cawangan Kampung Jawa dan Kaunter Cawangan Jawi.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di [waran@mbasp.gov.my](mailto:waran@mbasp.gov.my)

### **3. PELAKSANAAN SYARAT TANDAS AWAM BERSIH, MENAWAN DAN WANGI (BMW) SEBAGAI SYARAT LESEN PERNIAGAAN**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin memaklumkan bahawa mulai **1 Mei 2026**, pelaksanaan *standard* Tandas Awam Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) akan dijadikan sebagai salah satu syarat dalam permohonan baharu serta pembaharuan lesen perniagaan.

Inisiatif ini diperkenalkan bagi memastikan tahap kebersihan tandas awam di premis perniagaan sentiasa berada pada tahap tinggi, sekaligus meningkatkan imej bandar, menjaga kesihatan awam dan memberikan keselesaan kepada pengguna. Semua premis perniagaan yang menyediakan kemudahan tandas diwajibkan memastikan tandas mencapai sekurang-kurangnya penarafan 4 bintang di bawah standard BMW.

Sehubungan itu, semua premis makanan yang mempunyai tandas diwajibkan melaksanakan penarafan sendiri melalui Sistem Speedbiz. Pihak MBSP juga akan menjalankan pemeriksaan berkala dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan terhadap standard yang telah ditetapkan.

Kerjasama semua pihak amat dihargai bagi memastikan pematuhan kepada syarat ini. Sebarang ketidakpatuhan akan diambil tindakan lanjut seperti pengeluaran notis ketidakpatuhan, kompaun dan boleh menjejaskan status lesen perniagaan.

#### **4. SAMBUTAN HARI PEKERJA 2026**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat menyambut Hari Pekerja kepada seluruh warga kerja di Seberang Perai, khususnya kepada semua Ahli Majlis MBSP, kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang sentiasa komited dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

Hari Pekerja merupakan satu penghargaan kepada sumbangan besar para pekerja dalam memacu pembangunan organisasi, masyarakat dan negara. Tanpa dedikasi, disiplin serta semangat kerja berpasukan yang tinggi, segala perancangan dan penyampaian perkhidmatan tidak akan dapat direalisasikan dengan jayanya.

Saya amat menghargai usaha dan komitmen semua warga kerja yang terus berkhidmat dengan penuh integriti, profesionalisme dan

kecekapan dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta kelestarian bandar sentiasa terpelihara.

Seiring dengan cabaran semasa, marilah kita bersama-sama memperkukuh semangat kerja berpasukan, meningkatkan produktiviti serta terus berinovasi dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Tema sambutan Hari Pekerja 2026 di Malaysia ialah "**Pekerja KESUMA Bangsa**" yang memberi fokus kepada pemerksaan tenaga kerja yang berdaya tahan, berkemahiran tinggi, dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Hari Pekerja dan semoga segala usaha yang dicurahkan terus diberkati serta membuahkan kejayaan yang berterusan.

Justeru itu, saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya menjaga kesihatan dan mengamalkan amalan pemakanan yang baik dan sihat. Selamat bercuti dan berhati-hati di jalan raya.

Sekian, terima kasih.